

25 JUL 1999
LID-Pemimpin
PEMIMPIN PULA BERTINDAK SEBAGAI WARTAWAN PADA LID

LANGKAWI, 25 Julai (Bernama) -- Keadaan yang unik berlaku pada Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) keempat di sini apabila para jurugambar menghalakan kamera masing-masing kepada rakan sejawatan mereka ketika pemimpin negara membangun mengemukakan soalan kepada wartawan pada sesi khas hari ini.

Para pemimpin itu berasa cukup puas kerana kini mereka pula bertindak sebagai wartawan dengan mengemukakan banyak soalan, sesetengah daripadanya sukar kepada wartawan asing dan tempatan.

"Kami menikmati kesempatan ini kerana sesetengah daripada kamu berasa tidak senang duduk, sama seperti yang kami rasai apabila kamu mengemukakan soalan yang sukar, kami bersimpati dengan kamu semua," kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan disambut gelak-ketawa daripada hadirin.

Sesi khas, yang pertama seumpamanya di dunia, diadakan bagi membincangkan sama ada kerajaan dan media boleh menjalin perkongsian bestari.

Dr Mahathir antara lain meminta media "tidak terlalu tegas dalam melaksanakan peranannya sebagai pengawas kerana kedua-dua pihak boleh menikmati hasilnya jika dapat bekerjasama."

Sesi ITU, yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Halim Ali bermula dengan Dr Mahathir bertanya apakah pendapat media mengenai perkongsian bestari dan konsep memakmurkan jiran.

Selepas diam seketika, Ketua Pengarang Kumpulan The Straits Times Datuk Abdul Kadir Jasin menjawab secara berjenaka apabila berkata: "Jika saya mempunyai peluang, saya akan menjawab bahawa saya tisdak ada komen. (Bahawa) anda mengemukakan soalan yang tidak betul dengan dosambut gelak-ketawa daripada hadirin.

Beliau berkata perkongsian bestari mempunyai kesan positif kerana ia dapat menghimpunkan mereka yang biasanya tidak duduk semeja dan membincangkan perkara yang biasanya tidak dibincangkan bersama.

Presiden Sudan Lt Jen Omar Hassan Ahmad bertanya: "Mengapa media cuma menulis perkara yang buruk mengenai Sudan. Tidakkah sesiapa mengetahui berita yang baik mengenai Sudan?"

Ketua Pengarang Berita Sin Chew Jit Poh Liew Hing Chang menjawab: "kami menerima berita dari agensi berita asing, ami tidak menerima apa-apa berita yang baik mengenai Sudan kecuali bencana.

Dr Mahathir bertanya: "Adakah wartawan bebas daripada pemilik media?"

Itai Masuku, wartawan kanan bisnes dengan Zimbabwe Broadcasting Corporation berkata: "Wartawan memang mahu bebas tetapi mereka perlu mematuhi tatalaku."

Pengarah Urusan BBC bagi World Service, Asia Tenggara dan Pasifik, berkata: "Ia membabitkan soal tanggungjawab.

Presiden Namibia Dr Sam Nujomo bertanya: "Bagaimanakah media boleh memainkan peranan untuk bekerjasama dengan kerajaan bagi membasmi kemiskinan?"

Editor bisnes Star Publications (M) Bhd Wong Sulong berkata: "Media boleh memainkan peranan dengan menyiarkan berita bersifat positif tentang bagaimana negara lain mengatasi masalah mereka.

Perbincangan juga menyentuh Tabung Matawang Antarabangsa (IMF) yang sepatutnya membantu negara membangun telah bertindak bercanggah apabila apabila menjual emas di pasaran dan menjejaskan ekonomi negara-negara

Afrika yang menjadi pengeluar emas.

Hardev Kaur dari NSTP berkata pengeluar emas mungkin patut mencontohi Malaysia yang menubuhkan Persatuan Negara-negara Pengeluar Timah (ATPC) bagi menstabilkan harga timah di pasaran dunia.

"Jika negara-negara pengeluar dari dunia membangun tidak berbuat sesuatu, tiada siapa akan membantu, apatah lagi negara maju dan IMF."

Seorang wartawan Afrika, Qwahe Mawba, pengarah Broadcasting Unit of Swaziland Television menggesa supaya diwujudkan orde komunikasi dunia baru yang membolehkan gambaran sebenar mengenai Afrika disalurkan.

-- BERNAMA

TM FAZ